

**HUBUNGAN DI ANTARA PERAPATAN IBU BAPA-ANAK DAN ESTIM DIRI DENGAN SIKAP TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**(Relationships between Parent-Child Attachment and Self-esteem with Attitude toward sexual behavior among Pregnant Out of Wedlock Adolescents in Peninsular Malaysia)**

Nor Jumawaton Shahruddin

Mariani Mansor

Zainal Madon

Hanina Halimatusaadiah Hamsan

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga  
Universiti Putra Malaysia

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan  
Universiti Putra Malaysia

**ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan di antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Seramai 130 remaja perempuan yang hamil luar nikah berumur 14 hingga 19 tahun dari empat buah Institusi Perlindungan dan Pemulihan di negeri Selangor, Perak, Johor dan Kelantan terlibat dalam kajian ini. Responden dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak berlapis. Kajian ini menggunakan tiga soal selidik iaitu Inventori Perapatan Ibu Bapa-anak dan Rakan Sebaya (Armsden & Greenberg 1987), Skala Estim Diri Rosenberg (Rosenberg, 1965) dan Skala Ringkas Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual (Hendrick & Reich, 2006). Kesemua alat ukuran yang digunakan dalam kajian ini menghasilkan nilai Pekali Alpha Cronbach antara 0.82 hingga 0.90. Dapatkan kajian menunjukkan tahap perapatan ibu bapa dengan remaja di tahap sederhana, tahap estim diri yang tinggi dan sikap tingkah laku seksual berada di tahap yang tinggi. Keputusan analisis korelasi Pearson menunjukkan perkaitan signifikan antara perapatan ibu bapa anak ( $r=-.220, p<.05$ ) dan estim diri ( $r= .708, p<.05$ ) dengan sikap tingkah laku seksual. Kajian ini juga menganalisis peranan estim diri sebagai pemboleh ubah pengantara ke atas perapatan ibu bapa-anak dan estim diri ke atas sikap tingkah laku seksual. Kesimpulannya, perapatan ibu bapa-anak dan estim diri mempunyai hubungan dengan sikap tingkah laku seksual. Dapatkan kajian ini membuktikan ibu bapa perlu memaksimumkan waktu bersama anak bagi memastikan remaja tidak berasa tersisih dalam keluarga. Dalam masa yang sama, kajian ini turut mencadangkan beberapa alternatif dalam usaha membendung salah laku seksual di kalangan remaja masa kini.*

**Kata Kunci:** Perapatan Ibu Bapa-Anak, Estim Diri, dan Sikap Tingkah Laku Seksual

**ABSTRACT**

*This study was conducted to measure the relationship between parent-child attachment and self-esteem within the attitude towards sexual behaviour among young pregnant out of wedlock adolescents in Peninsular Malaysia. A total of 130 pregnant out of wedlock adolescents aged between 14 years and 19 years old from 4 welfare institutions in the states of Selangor, Perak, Johor and Kelantan participated in this research. Respondents were selected using a stratified random sampling technique. This study used three questionnaires. They are the Inventory of Parent and Peer Attachment (Armsden & Greenberg 1987), the Rosenberg Self-Esteem Scale (Rosenberg, 1965) and Brief Sexual Attitudes Scale (Hendrick & Reich, 2006). All instruments used had yielded a Cronbach's alpha reliability coefficient value ranging from 0.82 to 0.90. Findings revealed that the level of parent-child attachment is moderate, a high self esteem and a high level of attitude toward sexual behavior. Results of Pearson's correlation analysis revealed that there were significant relationships between par-*

*ent-child attachment with attitudes toward sexual behaviour ( $r = -.220, p <.05$ ) and a significant correlation between self esteem and attitude sexual behavior ( $r = .708, p <.05$ ). The study also analyzed the role of self esteem as a mediator variable of parent-child attachment and self esteem with attitude sexual behavior. In conclusion, the parent-child attachment and self esteem are found to be related to attitude toward sexual behavior. The findings of this study prove that parents should maximize time with adolescents to ensure that they do not feel isolated within the family. This study also suggests several alternatives in order to curb sexual misconduct among adolescents..*

**Keywords:** Parent-child attachment, Self esteem and Attitude toward sexual behaviour

## PENGENALAN

Kesinambungan serta kelangsungan sesebuah negara dan bangsa adalah ditentukan oleh generasi mudanya. Sebagai aset negara, kerajaan komited melaksanakan pelbagai dasar bagi memastikan usaha ke arah penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dapat dipupuk dalam kalangan generasi muda. Melalui Dasar Belia Malaysia 2015, kerajaan menetapkan matlamat untuk “Memperkuuh dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”. Melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), salah satu strategi yang menjadi tumpuan utama adalah bagi mempercepat pembangunan modal insan selaras untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpaksikan rakyat.

Walau bagaimanapun isu remaja hamil luar nikah dan pembuangan bayi mendapat liputan meluas di media massa seakan memberi tamparan hebat kepada pembangunan Malaysia khasnya dalam aspek pembangunan sosial. Ini mewujudkan persepsi kepada segelintir masyarakat bahawa generasi muda hanyalah liabiliti berbanding aset kepada negara. Ini adalah kerana, beberapa faktor luaran serta dalaman remaja seperti kelemahan sistem kekeluargaan serta daya tahan yang lemah dalam diri tidak diambil kira oleh masyarakat. Menyalahkan generasi muda tanpa merawat punca permasalahan bukanlah satu tindakan yang adil. Kelemahan sedia ada perlu diatasi melalui komitmen semua pihak agar risiko penularan gejala sosial khasnya tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia dapat diatasi. Walau pun terdapat pelbagai kajian yang dijalankan mengenai pembentukan sikap

tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia, namun ia lebih tertumpu kepada persepsi remaja terhadap sikap dan tingkah laku seksual yang mana responden kajian terdiri daripada remaja di Sekolah ataupun di Universiti tetapi tidak difokuskan kepada remaja perempuan hamil luar nikah sendiri (Mahirah Masdin dan Balan Rathakrishnan, 2014). Alasan kepada kurangnya kajian yang melibatkan belia hamil luar nikah sebagai responden kajian dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan sikap tingkah laku seksual dilihat melalui kajian-kajian lepas. Menurut Basen-Engquist dan Parcel (1992), responden yang telah berpengalaman secara seksual, mempunyai sikap tingkah laku seksual yang lebih jelas berbanding remaja yang belum pernah melakukan hubungan seksual.

Kajian mengenai pembentukan sikap tingkah laku seksual telah dimulakan sejak lebih 30 tahun yang lalu oleh Miller (1986). Miller berpendapat perkembangan sikap tingkah laku seksual bermula apabila perasaan dan keinginan yang mendalam terhadap perhubungan seksual wujud dalam diri. Berdasarkan Model Bioekologi (Bronfenbrenner dan Ceci, 1994), perkembangan sikap tingkah laku seseorang individu adalah hasil daripada interaksi multi sistem yang melibatkan empat komponen iaitu process, person, context dan time. Process merupakan bentuk interaksi dua arah antara individu dengan lingkungan yang signifikan termasuk ahli keluarga, rakan sebaya, guru, jiran tetangga dan sebagainya. Person adalah karektor individu yang terdiri daripada dorongan (forces) contohnya keinginan terhadap tingkah seksual, sumber (resources) pula bermaksud kemahiran mengawal keinginan seksual manakala tuntutan (demands) pula bermaksud faktor pelindung seperti hubungan yang rapat dengan ibu bapa serta faktor risiko seperti pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi

pembentukan sikap tingkah laku seksual. Contact pula merupakan lapisan struktur yang mengelilingi individu di mana hubungan yang rapat antara ibu bapa dengan remaja akan menimbulkan kemesraan dan perasaan selamat dalam diri remaja. Time atau dikenali dengan istilah microtime bermaksud kejadian yang berlaku sepanjang hari atau minggu serta perubahan yang terjadi kepada masyarakat dalam sesuatu generasi ke sesuatu generasi. Sebagai contoh perubahan serta transisi kehidupan kita yang lebih kerap menggunakan media sosial contohnya internet dan facebook memberi implikasi terhadap komunikasi antara remaja dan ibu bapa.

Berdasarkan Harden (2014), remaja membentuk sikap tingkah laku seksual kesan daripada ketidakmampuan mereka berfikir secara rasional baik buruk kesan perbuatan itu. Ini konsisten seperti yang dinyatakan Hanina (2010) bahawa pada peringkat perkembangan remaja, perkembangan pertama yang berlaku ialah perkembangan seksual dan reproduktif termasuk perubahan hormon dan perubahan fizikal remaja dan kemudian disusuli dengan perkembangan dalam kemahiran penaakulan. Remaja yang mendapat asas sosialisasi yang kukuh daripada keluarga dapat menyesuaikan diri dengan perubahan diri dengan lebih baik.

Coleman dan Hendry (1999) telah mengetengahkan tiga faktor utama yang mempengaruhi pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan belia iaitu faktor hubungan dengan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya serta faktor diri sendiri. Kajian oleh Kerpelman, McElwain, Pittman & Adler-Baeder, (2016) ke atas remaja Amerika Afrika dan Amerika Eropah menunjukkan bahawa tingkah laku seksual berisiko dikaitkan secara positif dengan hubungan yang hambar dengan ibu bapa. Hubungan yang hambar dengan ibu bapa merupakan penyumbang utama terhadap pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja. Kajian ini disokong oleh (Olubunmi, 2011) yang mendapat hubungan yang hambar serta dingin yang bermula di rumah adalah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan belia mencari keseronokan di luar khasnya untuk mendapatkan kasih sayang dan perhatian. Lazimnya remaja yang tidak mempunyai hubungan yang mesra dengan ibu bapa sering

berasa tersisih dalam keluarga, kurang mendapat perhatian serta kasih sayang di samping kurang pengawasan daripada ibu bapa menyebabkan remaja mudah terjebak dalam tingkah laku seksual. Kajian lepas turut membuktikan bahawa kurangnya pengawasan selepas waktu persekolahan juga memberi ruang dan peluang kepada remaja untuk terlibat dengan tingkah laku seksual (Suzanne dan Janet, 2009).

Selain itu dapatan kajian di Barat juga jelas membuktikan bahawa estim diri adalah merupakan faktor peramal utama dalam mempengaruhi sikap tingkah laku seksual. Terdapat juga kajian membuktikan bahawa faktor dalaman seperti estim diri merupakan faktor yang sangat penting dalam mempengaruhi tingkah laku seksual remaja khasnya apabila belia mempunyai pasangan untuk melakukan hubungan romantik (Wallace, Barry, Zeigler-hill, dan Green, 2012). Namun kajian oleh Boden dan Horwood (2006) mendapati faktor estim diri berupaya mempengaruhi sikap tingkah laku seksual bergantung kepada aspek persekitaran seperti faktor hubungan antara ibu bapa serta berupaya mempengaruhi tingkah laku.


Faktor perapatan ibu bapa-anak jelas memberi impak kepada pembentukan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan belia pada zaman globalisasi ini. Walau bagaimanapun, masih tidak wujud persetujuan yang tercapai tentang sejauh manakan faktor estim diri bertindak sebagai pengantara antara faktor perapatan ibu bapa-anak dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja (Pfitzner, Hoff, dan McElligott, 2003; Dicine, Com, dan Ity, 2010; Waggoner, Lanzi, & Klerman, 2012; Eggleston, Jackson, Hardee, dan Elizabeth, (2013). Jelas, dapat dilihat wujud kepelbagaian dapatan kajian berhubung sikap dan tingkah laku seksual antaranya disebabkan faktor norma dan budaya sesuatu masyarakat yang berbeza. Oleh itu pengkaji mewujudkan persoalan iaitu, apakah perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan yang hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia? Hal ini kerana, berdasarkan Model Bioekologi (Bronfenbrenner dan Ceci, 1994) pengaruh sosial yang diterima oleh remaja melalui kelompok sistem yang pelbagai akan

mempengaruhi sikap, kepercayaan, persepsi dan tingkah laku seksual dalam jangka masa panjang. Sehubungan itu sikap tingkah laku seksual adalah penting untuk diukur bagi memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan serta penanaman sikap tingkah

bersesuaian serta mencukupi untuk mencapai objektif sesuatu kajian (Isaac, & Michael, 1995; Sekaran, 2000 dan Chua, 2006).

laku seksual seterusnya sebagai sumber maklumat untuk merangka intervensi yang sesuai bagi mencegah dan membentengi belia Malaysia daripada terjerumus dalam fenomena ini (Basen dan Parcel, 1992).

**Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian**



## METODOLOGI

### Sampel

Seramai 130 orang remaja hamil luar nikah yang berumur antara 14 hingga 19 tahun terlibat dalam kajian ini. Subjek kajian dipilih dengan menggunakan prosedur pensampelan rawak berlapis kerana dipercayai kaedah pensampelan ini dapat mewakili objektif sesuatu kajian berkaitan fenomena yang dikaji serta dapat meningkatkan nilai maklumat yang dikehendaki iaitu remaja hamil luar nikah (Burns, 1990; Johnson & Christensen, 2004). Subjek dan penjaga telah menda tangani borang Penerangan dan Persetujuan Responden serta borang Penerangan dan Persetujuan Ibu Bapa dan Penjaga/Pusat Jagaan seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Universiti Untuk Penyelidikan Melibatkan Manusia, Universiti Putra Malaysia sebelum terlibat dalam kajian. Sehubungan itu dalam menentukan subjek kajian, pengkaji telah mengguna pakai jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz sampel kajian agar

### Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan remaja perempuan hamil luar nikah yang ditempatkan di Institusi Perlindungan dan Pemulihan di empat buah negeri iaitu Selangor, Perak, Johor dan Kelantan.

### Instrumen dan Prosedur

Satu set borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian digunakan untuk kajian ini iaitu 1) maklumat latar belakang responden, 2) Inventori Perapatan Ibu Bapa-anak oleh Armsden dan Greenberg (1989), (kebolehpercayaan = 0.87), 3) Skala Estim Diri oleh Morris Rosenberg (1965), (kebolehpercayaan = 0.82) dan 4) Skala Ringkas Sikap Seksual oleh Hendrick, Hendrick, & Reich (2006) (kebolehpercayaan = 0.90) yang mengukur sikap terhadap perhubungan seksual. Kaedah terjemahan balik telah digunakan untuk menterjemahkan inventori tersebut ke dalam Bahasa Melayu

menggunakan kaedah yang telah diperkenalkan oleh Brislin (1970).

### **Analisis Data**

Statisik deskriptif telah digunakan untuk pemerihalan latar belakang responden dan pengukuran tahap perapatan ibu bapa-anak, tahap estim diri dan tahap sikap tingkah laku seksual belia hamil luar nikah. Seterusnya analisis inferensi iaitu korelasi Pearson dan digunakan untuk menguji perkaitan antara tiga pemboleh ubah iaitu perapatan ibu bapa-anak, estim diri dan sikap tingkah laku seksual. Manakala pengujian pengantara kajian ini telah mengaplikasikan analisis bootstrapping dengan mengaplikasikan perisian PROCESS Macro untuk SPSS versi 2.16.

### **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **Taburan Latar Belakang Responden (N = 130)**

Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Bangsa</b>		
Melayu	128	98.5
India	1	.8
Lain-lain	1	.8
<b>Umur</b>		
14-15	24	18.5
16-17	68	52.3
18-19	38	29.2
<b>Bilangan Adik-beradik</b>		
0-3	41	31.5
4-6	62	47.5
7-10	25	19.0
11 ke atas	2	2.0
<b>Tahap Pendidikan</b>		
UPSR	21	16.2
PMR/PT3	72	55.4
SPM	37	28.5
<b>Sejarah Mengandung</b>		
Pertama	120	92.3
Kedua	10	7.69

Data menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah iaitu 47.5% (62 orang) responden mempunyai bilangan adik beradik seramai 4 hingga 6 orang. Rigsby (1998) menyatakan remaja yang terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai bilangan adik

#### **Jadual 1** **Analisis Deskriptif**

**Jadual 1** menunjukkan majoriti remaja hamil luar nikah adalah berbangsa Melayu, iaitu seramai 128 orang (98.5%), diikuti dengan bangsa India iaitu 1 orang (0.8%) manakala lain-lain bangsa juga mewakili 1 orang (0.8%). Majoriti remaja hamil luar nikah dalam kajian ini terdiri daripada remaja yang mempunyai pecahan umur di antara 16 hingga 17 tahun. Majoriti remaja hamil luar nikah dalam kajian ini terdiri daripada belia yang mempunyai pecahan umur di antara 16 hingga 17 tahun. Menurut Santrock (2008) remaja merupakan golongan yang sedang aktif melalui perkembangan seksual dengan perubahan semula jadi seks melalui perubahan biologi dalam diri. Sehubungan itu, pada peringkat ini remaja akan berusaha meneroka, bereksperimen serta berfantasi tentang seksual (Steinberg, 2007).

beradik yang ramai. Kajian oleh Alavi, Nen, Ibrahim, Mohamad dan Nordin (2012) mendapati remaja hamil luar nikah adalah terdiri daripada remaja yang mempunyai bilangan adik-beradik yang ramai iaitu melebihi 6 orang, merupakan antara punca belia mencari kasih sayang di luar akibat dipinggirkan oleh ibu bapa.

Data menunjukkan tahap pendidikan remaja hamil luar nikah adalah terdiri dari 16.2% (21 orang) mempunyai tahap pendidikan peringkat Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR), diikuti oleh 55.4% (72) mempunyai tahap pendidikan di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR)/Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3), manakala 28.5% (37 orang) mempunyai tahap pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam aspek sejarah mengandung pula, 92.3% (120 orang) responden adalah mengandung kali pertama manakala 7.69% (10 orang) mengandung buat kali kedua. Kajian oleh Collier (2009) juga menunjukkan belia yang pernah melahirkan anak luar nikah adalah 8 kali ganda cenderung untuk mengandung kembali dalam tempoh kurang daripada 24 bulan. Kajian yang sama juga mendapati remaja tersebut aktif secara seksual serta terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko serta gagal menggunakan kaedah kontrasepsi dengan berkesan.

**Jadual 2****Tahap Perapatan Ibu Bapa-anak, Estim Diri dan Sikap Tingkah Laku Seksual**

Pemboleh Ubah	Bilangan	Peratus	Purata	Sisihan Piawai
<b>Perapatan Ibu Bapa-anak</b>				
Rendah (1.00 - 2.33)	14	10.8	1.89	.290
Sederhana (2.34 - 3.66)	116	89.2		
Tinggi (3.67 - 5.00)	0	0		
<b>Estim Diri</b>				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.51	.501
Sederhana (2.34 - 3.66)	63	48.5		
Tinggi (3.67 - 5.00)	67	51.5		
<b>Sikap Tingkah Laku Seksual</b>				
Rendah (1.00 - 2.33)	0	0	2.90	.290
Sederhana (2.34 - 3.66)	12	9.2		
Tinggi (3.67 - 5.00)	118	90.8		

**Jadual 2** menunjukkan majoriti responden menyatakan perapatan antara ibu bapa dengan remaja adalah di tahap sederhana iaitu sebanyak 89.2% (116 orang). Manakala 10.8% (14 orang) responden menyatakan tahap perapatan dengan ibu bapa sebelum hamil luar nikah adalah rendah. Dapatan kajian ini selari dengan Ahlin dan Antunes, (2015) membuktikan remaja yang tidak mendapat kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa berkecenderungan tinggi terjebak dengan aktiviti salah laku dan bertingkah laku seksual berisiko.

Bagi tahap estim diri, 67 orang responden (51.5%) mempunyai tahap estim diri yang tinggi, diikuti 63 orang (48.5%) mempunyai tahap estim diri yang sederhana. Kajian di Barat juga jelas membuktikan bahawa estim diri adalah merupakan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku seksual belia (Owrangi, Yousliani, dan Zarnaghash, 2011).

Seterusnya bagi tahap sikap tingkah laku seksual, skor min pemboleh ubah adalah 2.90 manakala sisihan piawai pula adalah sebanyak .290. Keputusan kajian mendapati majoriti responden mempunyai tahap sikap tingkah laku seksual yang tinggi sebelum mengandung iaitu sebanyak 90.8% (118 orang), diikuti pula seramai 9.2% (12 orang) mempunyai tahap yang sederhana.

**Analisis Inferensi**

**Jadual 3** menunjukkan perkaitan di antara perapatan ibu bapa-anak, estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Keputusan menunjukkan analisis kolerasi Pearson bagi perapatan ibu bapa anak menunjukkan perkaitan signifikan yang negatif dengan sikap tingkah laku seksual ( $r = -.220$ ,  $p < .05$ ). Hubungan signifikan yang negatif antara perapatan ibu bapa-anak dengan sikap tingkah laku seksual menunjukkan bahawa peningkatan pada skor nilai perapatan ibu

bapa-anak diikuti dengan penurunan pada skor sikap tingkah laku seksual. Ini bermakna semakin tinggi perapatan ibu bapa-anak responden semakin mempersepsi sikap tingkah laku seksual di tahap yang rendah.

Hal ini disokong dengan bukti temu bual mendalam penyelidik bersama remaja hamil luar nikah yang mengukur perapatan ibu bapa-anak;.

"Saya dan ibu tidak rapat. Memang ibu tidak pernah ambil berat mengenai diri saya. Bapa pulak, dia tak banyak sangat cakap. Dia kalau balik pun, dia makan tengok tv main game kat laptop. Pastu malam dia berniaga pulak". (Responden 1).

Ibu bapa saya tidak pernah ambil tahu tentang diri saya, apa yang saya suka, apa masalah saya. Semuanya saya perlu uruskan sendiri jika berdepan dengan masalah... Kadang-kadang saya sangat terasa dengan cara ibu melayan saya berbanding adik-beradik lain .(Responden 21)

Analisis temu bual mendalam di atas mendapati bahawa wujud perapatan yang renggang antara remaja dengan ibu bapa. Wujudnya hubungan yang renggang ini secara tidak langsung menyebabkan wujud perasaan terasing antara remaja dan ibu bapa, komunikasi yang terhad serta wujud ketidakpercayaan antara ibu bapa dengan remaja. Faktor-faktor ini menyebabkan remaja

membentuk sikap tingkah laku seksual selaras untuk mendapatkan kasih sayang di luar rumah.

Keputusan kajian menunjukkan persamaan dapatan kajian oleh Pericak (2012) yang mendapati hubungan yang renggang antara ibu bapa dengan remaja mendorong remaja untuk terlibat dengan tingkah laku seksual berisiko. Selain itu dapatan kajian oleh Beyers, Veryser dan Verlee (2015) turut mendapati bahawa perapatan ibu bapa-anak merupakan salah satu prediktor yang mempengaruhi perkembangan sikap tingkah laku seksual remaja.


**Jadual 3** juga menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara estim diri dengan sikap tingkah laku seksual serta kekuatan hubungan adalah tinggi ( $r = .708$ ,  $p < .05$ ). Dapatkan di atas selari dengan dapatan kajian oleh Findley (2013) yang menyatakan estim diri merupakan salah satu aspek dalaman yang penting dalam perkembangan sikap dan tingkah laku belia. Kajian lalu juga membuktikan remaja yang memiliki estim diri yang tinggi cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku seksual kerana belia berkecenderungan tinggi untuk mempunyai keberanian serta ingin meningkatkan penilaian diri melalui penerimaan serta kasih sayang yang diberi oleh pasangan (Brassard, Dupuy, Bergeron, dan Shaver, 2015).

**Jadual 3**  
**Nilai Mean, Sisihan Piawai dan Korelasi**

	Mean	Sisihan Piawai	1	2
1. Sikap Tingkah Laku Seksual	87.17	8.51		
2. Perapatan Ibu Bapa-anak	77.84	8.75	-.220*	
3. Estim Diri	36.79	4.32		.708**

Bagi menguji analisis pengantara, pengkaji telah menggunakan konsep pengujian dicadangkan oleh Baron & Kenny (1986) yang telah digunakan oleh ramai pengkaji selama lebih 40 tahun. Menurut Kenny (2014), ujian pengantara (mediator) boleh dilakukan dengan membuat anggaran koefisien yang berasingan melalui tiga persamaan regresi. Pertama, dengan meregresikan variabel bebas terhadap variabel bersandar ( $\beta$ ).

Kedua, dengan meregrasikan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah pengantara (a). Ketiga, dengan meregresikan pemboleh ubah pengantara terhadap pemboleh ubah bersandar (b).



**Rajah 1** Kesan Mediator Estim Diri Ke Atas Perapatan Ibu Bapa-anak dan Sikap Tingkah Laku Seksual

**Rajah 1** menunjukkan analisis *bootstrap* bagi pengaruh pengantara estim diri ke atas perapatan ibu bapa-anak dan sikap tingkah laku hamil luar nikah. Koefisien laluan bagi perapatan ibu bapa-anak dengan estim diri adalah tidak signifikan ( $\beta = -.068$ , SE = .043,  $p \geq 0.05$ ). Manakala laluan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual adalah signifikan ( $\beta = 1.365$ , SE = .122,  $p \leq 0.05$ ). Koefisien laluan bagi perapatan ibu bapa-anak dengan sikap tingkah laku seksual adalah tidak signifikan ( $\beta = -.096$ , SE = .061,  $p \geq 0.05$ ).

Dapatan kajian ini menyangkal dapatan kajian oleh Wallace, Barry, Zeigler-hill, & Green (2012) yang mendapat faktor estim diri adalah merupakan antara faktor pengantara yang mempengaruhi tingkah laku seksual belia berisiko. Walau bagaimanapun dapatan kajian ini bercanggah dengan kajian oleh Owragi, Yousliani, dan Zarnaghash, (2011) yang membuktikan hubungan ibu bapa dengan anak mempengaruhi sikap remaja terhadap tingkah laku seksual melalui kesan pengantara estim diri. Walau bagaimanapun kajian oleh Cederbaum, Angeles, Hutchinson, dan Jemmott, (2013) menunjukkan sikap terhadap penggunaan alat perancang kehamilan mempunyai hubungan yang signifikan dengan remaja yang mempunyai estim diri yang tinggi.

Sehubungan itu salah satu sumbangan kajian ini adalah dapat membuktikan bahawa estim diri berperanan sebagai pengantara dengan sikap tingkah laku seksual, tetapi mempunyai hubungan yang negatif dengan perapatan ibu bapa anak. Hutchinson dan Wood, (2007)

mendapati cara yang terbaik untuk meramlukan sama ada belia hamil akan melakukan sesuatu tingkah laku atau tidak adalah dengan mengukur estim diri remaja. Walau bagaimanapun, melalui kajian ini membuktikan bahawa perapatan ibu bapa-anak tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan estim diri. Walau bagaimanapun hasil dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian terdahulu yang melaporkan kewujudan keinginan seksual yang bermotif untuk mendapatkan keperluan cinta, kasih sayang, perhatian, kebahagiaan dan keseronokan adalah kerana kurangnya kasih sayang dan perhatian yang diterima daripada ibu bapa (Kirkman, Rosenthal, dan Feldman, 2005).

## KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberi gambaran mengenai perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri dengan sikap tingkah laku seksual dalam kalangan belia perempuan hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian tempatan yang menunjukkan hubungan serta proses komunikasi dalam persekitaran sistem keluarga berupaya mempengaruhi perkembangan dan pembentukan sikap kanak-kanak (Rozumah, Siti Nor, Rojanah, Abdullah, & Hanina Halimatussadiyah, 2003). Kajian ini juga membuktikan faktor internal seperti estim diri merupakan satu entiti yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pembentukan pembentukan sikap seterusnya mempengaruhi tingkah laku seseorang belia (Ethier, Kershaw, Lewis, Milan, Niccolai & Ickovics, 2006).

Kajian ini menekankan kepada perspektif perkembangan untuk memahami dan menjelaskan perkaitan antara perapatan ibu bapa-anak dan estim diri yang mempengaruhi perkembangan sikap terhadap tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah. Oleh

kerana tingkah laku seksual merupakan fenomena perkembangan yang berkaitan kombinasi kecenderungan biologi kanak-kanak dan pola peristiwa dan transisi masa yang berlaku dalam persekitaran individu, maka idea Model Bioekologi sangat relevan dan bertepatan dalam memberi gambaran dengan lebih terperinci bagaimana pengaruh multi sistem, perubahan perkembangan individu (biologi dan psikologi) dan transisi masa memberi impak kepada sikap tingkah laku seksual. Penjelasan daripada Model Bioekologi ini meningkatkan kefahaman dari segi konteks budaya masyarakat Malaysia khasnya dalam mempengaruhi sikap tingkah laku seksual dalam kalangan belia hamil luar nikah di Semenanjung Malaysia. Seterusnya melalui daptan kajian ini menuntut kepada pihak yang berwajib untuk mengatur program dan intervensi yang bersifat pencegahan, perlindungan, pemulihan dan integrasi dalam mengatasi fenomena tingkah laku seksual dalam kalangan belia di Malaysia. Melalui kursus keibubapaan , ia dilihat sebagai salah satu kaedah untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan pada zaman yang mencabar ini. Selain itu terapi keluarga juga dilihat mampu dijadikan sebagai salah satu intervensi krisis serta pendekatan kemahiran penyelesaian masalah antara remaja dengan ibu bapa (Barnet, Liu, DeVoe, Alperovitz-Bichell & Duggan, 2007). Terapi keluarga memberi penekanan dalam membantu belia yang berada dalam krisis dan dalam masa yang sama membantu ibu bapa supaya dapat meleraikan krisis yang akhirnya dapat memberi faedah kepada perkembangan diri remaja.

Selain itu dalam membantu aspek dalam remaja hamil luar nikah khasnya berkenaan sikap tingkah laku seksual, adalah disarankan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Agensi-agensi di bawahnya bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) bersama-sama membangunkan modul serta intervensi terhadap remaja hamil luar nikah yang mengalami ketagihan seksual serta pengawalan diri daripada terjerumus semula dengan tingkah laku seksual sehingga hamil luar nikah. Pihak KPWKM serta NGO yang terlibat dalam memberi perlindungan dan program pemulihan kepada remaja hamil luar nikah perlu merancang program mengikut kesesuaian zaman dan perkembangan remaja masa kini. Program yang disyorkan adalah berbentuk

keusahawanan, pendidikan, latihan dan pekerjaan bagi membantu remaja yang telah tamat tempoh berada di pusat-pusat perlindungan dan pemulihan, dapat menjalani kehidupan dengan lebih bermakna (Barnet, Liu, DeVoe, Alperovitz-Bichell & Duggan, 2007).

Selain itu Garis Panduan Pengendalian Masa-lah Kesihatan Seksual dan Reproduktif Remaja di Klinik Kesihatan yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia perlu di perkasa dan diperluaskan ke segenap masyarakat dan dijadikan sebagai salah satu modul pendidikan sepanjang hayat. Selain itu adalah diharapkan melalui daptan kajian ini Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Seksual Lelaki bagi belia lelaki yang berusia 16 tahun ke atas yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat pada tahun 2016 dapat pula menjadi asas terhadap penyediaan modul pendidikan khas untuk belia perempuan.

Kajian ini juga melihat pengupayaan peranan komuniti perlu ditambah baik dalam membantu, melindungi, mencegah serta prihatin terhadap tingkah laku belia sekeliling daripada terjebak dengan fenomena negatif. Komuniti tradisional Malaysia perlu diamalkan kembali di mana konsep “ambil tahu” mengenai anak jiran dilihat amat penting dalam meningkatkan sokongan sosial dalam melindungi belia dari terjebak dengan gejala sosial. Selain itu pengamal kaunseling perlu dipandu melalui kemahiran psiko pendidikan khasnya dalam intervensi keluarga yang akan meningkatkan sokongan dalam keluarga, membantu ahli keluarga belajar dan meningkatkan kemahiran daya tindak melalui latihan komunikasi, penyelesaian masalah serta teknik intervensi krisis dalam mengendalikan remaja hamil luar nikah.

## RUJUKAN

- Ahlin, E. M., & Antunes, M. J. L. (2015). Locus of control orientation: parents, peers, and place. *Journal of Youth and Adolescence*, 44(9), 1803–1818.
- Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Akhir, N. M., Mohamad, M. S., & Nordin, N. M. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 131-140.

- Armsden, G. C., & Greenberg, M. T. (1987). The inventory of parent and peer attachment: Individual differences and their relationship to psychological well-being in adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, 16(5), 427–454.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 1173–1182.
- Barnet, B., Liu, J., DeVoe, M., Alperovitz-Bichell, K., & Duggan, A. K. (2007). Home visiting for adolescent mothers: Effects on parenting, maternal life course, and primary care linkage. *The Annals of Family Medicine*, 5(3), 224–232.
- Basen-Engquist, K., & Parcel, G. S. (1992). Attitudes, norms, and self-efficacy: A model of adolescents' HIV-related sexual risk behavior. *Health education quarterly*, 19(2), 263-277.
- Beyers, W., Veryser, E., & Verlee, E. (2015). Parent and peer predictors of adolescents' sexual development: Can parents buffer peer influence? *European Journal of Developmental Psychology*, 12(5), 599–612.
- Boden, J. M., & Horwood, L. J. (2006). Self-esteem, risky sexual behavior, and pregnancy in a New Zealand birth cohort. *Archives of Sexual Behavior*, 35, 549–560.
- Brassard, A., Dupuy, E., Bergeron, S., & Shaver, P. R. (2015). Attachment insecurities and women's sexual function and satisfaction: The mediating roles of sexual self-esteem, sexual anxiety, and sexual assertiveness. *The Journal of Sex Research*, 52(1), 110–119.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal of cross-cultural psychology*, 1(3), 185–216.
- Bronfenbrenner, U., & Ceci, S. J. (1994). Nature-nurture reconceptualized in developmental perspective: A bioecological model. *Psychological review*, 101(4), 568-586.
- Burns, R. (1990). *Introduction To Research Methods In Education*. Melbourne Australia: Longman Cheshire Pty.Ltd.
- Cederbaum, J. A., Hutchinson, M. K., Duan, L., & Jemmott, L. S. (2013). Maternal HIV serostatus, Mother-daughter sexual risk communication and adolescent HIV risk beliefs and intentions. *AIDS and Behavior*, 17(7), 2540-2553.
- Chua Yan Piaw (2006). Kaedah penyelidikan. Malaysia:Mc-Graw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Collier, J. (2009). The rising proportion of repeat teenage pregnancies in young women presenting for termination of pregnancy from 1991 to 2007. *Contraception*, 79(5), 393–6.
- Coleman, J. C., & Hendry, L. B. (1999). *The nature of adolescence*. Third edition. New York: Psychology Press.
- Dicine, M. E., Com, T. H. E., & Ity, M. U. N. (2010). Predictors of sexual intercourse and rapid-repeat pregnancy among teenage mothers: an Australian prospective longitudinal study, 193(6) 143-156.
- Ethier, K. A., Kershaw, T. S., Lewis, J. B., Milan, S., Niccolai, L. M., & Ickovics, J. R. (2006). Self-esteem, emotional distress and sexual behavior among adolescent females: Inter-relationships and temporal effects. *Journal of Adolescent health*, 38(3), 268-274.
- Fauwaz Hasbullah (2016). "Seksualiti Remaja : Isu dan Cabaran Keluarga di Malaysia. Seminar Isu-isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016. 19 Mac 2016.
- Findley, D., "Self-Concept Clarity and Self-Esteem in Adolescence: Associations with Psychological, Behavioral, and Academic Adjustment" (2013). *Theses Dissertations*.
- Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2010). *Belia berisiko : profil, faktor penyebab dan intervensi*. Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Harden, K. P. (2014). A sex-positive framework for research on adolescent sexuality. *Perspectives on Psychological Science*, 9(5), 455–469.
- Hendrick, C., Hendrick, S. S., & Reich, D. A. (2006). The brief sexual attitudes scale. *Journal of Sex Research*, 43(1), 76–86.

- Isaac, S. & Michael, W. B. (1995). *Handbook in Research and Evaluation*. (EdITS., Ed.). San Diego.
- Johnson, B., dan Christensen, L. (2004). *Educational Research: Quantitative, Qualitative, And Mixed Approaches* (2nd Ed.). Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Katherine Hutchinson, M., & Wood, E. B. (2007). Reconceptualizing adolescent sexual risk in a parent-based expansion of the theory of planned behavior. *Journal of Nursing Scholarship*, 39(2), 141-146.
- Kerpelman, J. L., McElwain, A. D., Pittman, J. F., & Adler-Baeder, F. M. (2016). Engagement in Risky Sexual Behavior Adolescents' Perceptions of Self and the Parent-Child Relationship Matter. *Youth & Society*, 48(1), 101.
- Kementerian Belia & Sukan (2015). *Dasar Belia Malaysia 2015*. Malaysia: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Kenny, D. A. (2014). Mediation. Retrieved from <http://davidakenny.net/cm/mediate.htm#CI>
- Kirkman, M., Rosenthal, D. A., & Shirley Feldman, S. (2005). Being open with your mouth shut: The meaning of 'openness' in family communication about sexuality. *Sex Education*, 5(1), 49-66.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Mahirah Binti Masdin & Balan Rathakrishnan (2014). Pembentangan kertas kerja "Hubungan di antara sikap ke atas seksual, norma subjektif ibu bapa dan efikasi kendiri dengan tingkah laku menjaga kehormatan seksual dalam kalangan remaja perempuan". Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. 11 Disember 2014.
- Miller, B. C., McCoy, J. K., Olson, T. D., & Wallace, C. M. (1986). Parental discipline and control attempts in relation to adolescent sexual attitudes and behavior. *Journal of Marriage and the Family*, 503-512.
- Olubunmi, A. G. (2011). Impact of family type on involvement of adolescents in pre-marital sex. *Journal Psychology & Counselling*, 3(1), 15-19.
- Owrangi, A., Youslani, G., & Zarnaghash, M. (2011). The relationship between the desired disciplinary behavior and family functioning locus of control and self esteem among high school students in cities of tehran province. *Social and Behavioral Sciences*, 30, 2438-2448.
- Pfitzner, M. a, Hoff, C., & McElligott, K. (2003). Predictors of Repeat Pregnancy in a Program for Pregnant Teens. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology*, 16(2), 77-81.
- Rigsby, D. C., Macones, G. a., & Driscoll, D. a. (1998). Risk Factors for Rapid Repeat Pregnancy Among Adolescent Mothers: A Review of the Literature. *Journal of Pediatric and Adolescent Gynecology*, 11(3), 115-126.
- Rosenberg. (1965). *The adolescent self-image*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Rozumah Baharudin, Siti Nor Yaacob, Rojanah Kahar, Abdullah al-Hadi, Hanina Halimatussadiah Hamsan. (2003). Keluarga dan penyesuaian tingkah laku kanakkanak. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Santrock, J.W. 2008. Life-Span Development. 11th edition. New York: Mc Graw-Hill.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* (4 Ed.). New York: John Wiley and Sons Inc.
- Steinberg, L. 2007. Adolescence (8th Edition). New York: McGraw-Hill.
- Suzanne, P., & Janet, T. (2009). Factors associated with self-reported first sexual intercourse in Scottish adolescents. *BioMed Central*, 2(42), 1-6.
- Waggoner, M. R., Lanzi, R. G., & Klerman, L. V. (2012). Pregnancy intentions, long-acting contraceptive use, and rapid subsequent pregnancies among adolescent and adult first-time mothers. *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing* 25(2), 96-104.
- Wallace, M. T., Barry, C. T., Zeigler-Hill, V., & Green, B. A. (2012). Locus of control as a contributing factor in the relation between self-perception and adolescent aggression. *Aggressive B*